

# PNB lancar Focus 4

## Pelan strategik 2020-2022 tumpu empat bidang hadapi masa depan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

**Permodalan Nasional Bhd** (PNB) melancarkan Pelan Strategik bagi 2020-2022 dikenali sebagai Focus 4 bertujuan memacu pengurus dana pelaburan itu ke hadapan untuk tempoh tiga tahun akan datang.

Pelan berkenaan dirangka berdasarkan hasil kajian semula jangka masa pertengahan yang dilakukan pada 2019 membabitkan Pelan Strategik 2017-2022 sebelumnya, dikenali sebagai STRIVE-15.

Bagi menyelaraskan 15 inisiatif yang terkandung dalam STRIVE-15, Focus 4 menggariskan empat bidang tumpuan PNB, dalam usaha mentransformasi

dan membuat persiapan untuk mengharungi cabaran ketidak-tentuan masa depan serta perubahan lanskap pasaran.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata kajian semula jangka masa pertengahan yang meluas itu membolehkan PNB mengumpul maklumat kritikal dan menganalisis faktor dinamik semasa bagi memperkukuh hala tuju strategik kumpulan.

Katanya, inti pati Focus 4 memperincikan empat bidang utama iaitu 'Kepelbagaian, Penciptaan Nilai, Pengurusan Risiko dan Transformasi Organisasi' untuk menjadi pemangkin pertumbuhan yang mampan dan membolehkan PNB meraih nilai.

"Walaupun Fokus 4 bertujuan untuk memastikan PNB berada pada kedudukan yang baik untuk mengharungi keadaan ini, apa yang lebih penting ia bertujuan memastikan PNB akan bersiap sedia sebaik pemulihan berlaku.

"Kepada semua pemegang unit, kami tetap komited sepenuhnya untuk melaksanakan amanah kepada anda pada tahun akan datang," katanya pada sidang media maya pelancaran laporan tahunan PNB 2019 dan pelan strategik PNB 2020-2022 (Fokus 4).

Sidang media maya itu turut dihadiri Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulannya, Jalil Rasheed.

Sementara itu, Jalil berkata, Focus 4 mencerminkan peralihan strategik daripada STRIVE-15 dengan PNB berjaya memperkukuh fundamental luas dan menyediakan rangka kerja



**Dr Zeti Akhtar Aziz**

diperlukan.

Bagi Focus 4, katanya, ia fokus bidang berimpak tinggi yang khusus serta lebih sesuai dengan persekitaran pasaran.

"Pendekatan jangka pendek tiga tahun juga memberi PNB fleksibiliti untuk menjadi lebih responsif dan mampu menyesuaikan diri untuk memanfaatkan peluang yang ada dalam keadaan masa kini bergerak pantas," katanya.

PNB mencatatkan hasil bersih RM10.7 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, yang menyumbang kepada bayaran 5.4 sen seunit untuk dana harga tetapnya.